

PENILAIAN PERLAKSANAAN SISTEM PENSIJILAN
TERBUKA : SATU TINJAUAN KE ATAS PELAJAR TINGKATAN
LIMA ALIRAN TEKNIK, SEKOLAH MENENGAH
TEKNIK BATU PAHAT, JOHOR.



PTTAKU THM
AHMAD KASSIM BIN YASIN
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN ABDUL RAHMAN

SKOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00121129 5



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN KAJIAN KES

JUDUL : **PENILAIAN PERLAKSANAAN SISTEM
PENSIJILAN TERBUKA: SATU TINJAUAN KE
ATAS PELAJAR TINGKATAN LIMA ALIRAN
TEKNIK, SEKOLAH MENENGAH TEKNIK
BATU PAHAT, JOHOR.**

SESI PENGAJIAN : **2001/2002**

SAYA : **AHMAD KASSIM BIN YASIN**

Mengaku membenarkan Kajian Kes (Sarjana) ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Kajian Kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Kajian ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)





TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)




(TANDATANGAN PENYELIA)

Pejabat Polis Daerah,
Peti Surat 26,
89307 Ranau, Sabah.

Encik Kamarudin Bin Khalid
Nama Penyelia

Tarikh: 7 September 2001

Tarikh: 7 September 2001

- CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikeluskan sebagai SULIT atau TERHAD.
□ Tesis dianggap sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya mengaku bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal).”

Tandatangan : 

Pembimbing : Encik Kamaruddin Bin Khalid

Tarikh : 7 September 2001



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN
KALINKU TUN AMINAH

**PENILAIAN PERLAKSANAAN SISTEM PENSIJILAN TERBUKA: SATU
TINJAUAN KE ATAS PELAJAR TINGKATAN LIMA ALIRAN TEKNIK
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK BATU PAHAT, JOHOR.**

AHMAD KASSIM BIN YASIN

Kajian ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNIK TUN AMINAH

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Teknologi Tun Hussein Onn
Universiti Teknologi Malaysia


SEPTEMBER , 2001

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :

Nama Penulis :

Tarikh :


Ahmad Kassim Bin Yasin

7 September 2001



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Istimewa untuk.....

Kakak-Kakak Dan Abang Yang Tersayang & Ahli Keluarga Yang Dikasihi,

Jasa Dan Sokongan Yang Diberi Tidak Terbalas.

Terima Kasih Atas Segalanya.

Teman-Teman Seperjuangan Tersayang.

Sokongan Dan Persahabatan Yang Terbina Terpahat Dalam Ingatan Dan Semoga

Kekal Selamanya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan lafaz **Bismillahirahmanirrahim; Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani”**

Alhamdulilah, dengan limpah rahmatnya dan irungan doa kesejahteraan junjungan besar Rasulullah SAW ke atas umatnya maka sempurnalah kajian kes ini. Penghargaan yang tidak terhingga saya berikan kepada pembimbing, Encik Kamaruddin Bin Khalid dan penilai Puan Halizah Binti Awang di atas segala nasihat dan bimbingan mereka di dalam menghasilkan penulisan ilmiah ini. Tidak ketinggalan juga buat pensyarah-pensyarah lain di Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional kerana sudi membantu menjayakan kajian kes ini.

Jutaan terima kasih kepada pihak Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah yang terlibat sebagai responen dalam kajian kes ini. Juga buat guru-guru sekolah kerana memberikan kerjasama terutama Encik Kohar. Buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sepanjang penghasilan kajian kes ini.

Tidak dilupakan penghargaan tulus ikhlas buat semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam perlaksanaan kajian kes ini.

ABSTRAK

Perlaksanaan Sistem Pensijilan Terbuka Sijil Pelajaran Malaysia SPM yang pertama kalinya dilaksanakan pada tahun 2000 merupakan satu agenda untuk memperlihatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara. Sistem Pensijilan Terbuka SPM, menjadi alat pengukur yang terbaik untuk mengukur pencapaian pelajar. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk mendapatkan persepsi pelajar-pelajar mengenai sejauhmanakah persediaan pihak sekolah dalam melaksanakan Sistem Pensijilan Terbuka SPM. Kajian ini hanya memfokuskan kepada sebuah sekolah iaitu Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor. Seramai 103 orang responen yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Lima aliran Teknik dipilih untuk menjawab soal selidik. Data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah peratusan. Hasil Kajian mendapati pelajar-pelajar masih belum jelas tentang perlaksanaan Sistem Pensijilan Terbuka. Namun dari dapatan masih lagi terdapat masalah atau kelemahan dalam perlaksanaan sistem baru ini. Oleh itu, beberapa cadangan dan rumusan telah dibuat. Adalah di harapkan dengan hasil dapatan ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat supaya dapat menilai dan mengkaji Sistem Pensijilan Terbuka SPM agar menjadi lebih baik dan boleh diterima pakai. Selain itu, di harapkan ia menjadi panduan atau rujukan kepada pihak-pihak yang menjalankan kajian yang sama.

ABSTRACT

The implementation of Sijil Pelajaran Malaysia SPM Open Certificate System for the first time in the year 2000 is an agenda to show the excellent of the education in this country. SPM Open Certificate System is the benchmark to see the student achievement. The purpose of doing this study case is to get the students perception of how far the school preparation in implementing this system. The study case focused on one school only, which is Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor. 103 respondents among students of Form Five Technique stream were selected to answer the questionnaires. Then the data will be analyzed in descriptive by using percentage method. The findings indicate that students are still not clear about the implementation of this new system. The findings also indicate that there still have problems and weaknesses in this system. Therefore some conclusion and recommendation have been made. It is hoped that the research will help those who are involved in assessing and reviewing the SPM Open Certificate System in order to make the system better and useful. Besides that it is hoped that the research will contribute beneficial as a reference to those who are intend to do the same research.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAHAGIAN SATU PENDAHULUAN

BAB I PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Persoalan Kajian	6

1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Tujuan Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Skop Kajian	7
1.9	Kesahihan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	8
1.10	Batasan Kajian	8
1.11	Definisi Istilah	8

BAHAGIAN DUA

SOROTAN PENULISAN

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	10
2.2	Justifikasi SPM Pensijilan Terbuka	11
2.3	Rasional Pensijilan Terbuka	13
2.4	Kelebihan Pensijilan Terbuka	14
2.5	Keunikan Pensijilan Terbuka	16
2.6	Pemansuhan SPM (Vokasional)	17
2.7	Keterbukaan Pensijilan Terbuka	17
2.8	Pakej Pengkhususan	18
2.9	Pemberian Dan Perbezaan Sijil	19
2.10	Lima Belas Pakej Pengkhususan	24
2.11	Kaitan Pakej Dengan Bidang Pengajian Selepas SPM	24
2.12	Jenis Sekolah Dan Penawaran Pakej	28
2.13	Pendidikan Teknik Dan Vokasional	28
2.14	Pakej Mata Pelajaran	30



BAHAGIAN TIGA

METODOLOGI KAJIAN

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Rekabentuk Kajian	33
3.3	Pemilihan Subjek (Sampel)	34
3.4	Instrumen Kajian	35
3.5	Pengumpulan Dan Pengelolaan Data	36
3.6	Pemprosesan Dan Penganalisisan Data	37
3.7	Andaian Metodologi	37

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	38
4.2	Responden Kajian	38
4.3	Analisis Jawapan Responden	39
4.4	Kesimpulan	53

BAHAGIAN LIMA
RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB V RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Ringkasan Kajian	54
5.2	Rumusan	55
5.3	Kesimpulan Hasil Kajian	59
5.4	Cadangan	60
5.5	Saranan Kajian Lanjutan	63

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

64

66



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.9.1	Perbandingan Pemilihan Mata Pelajaran Dan Pemberian Sijil Peperiksaan SPM Dan Pensijilan Terbuka.	23
2.10.1	Pakej Pengkhususan	25
2.10.2	Pakej Dwipengkhususan	26
2.11	Pemilihan Kerjaya	27
2.12	Jenis Sekolah Dan Pakej Cadangan PPK	29
2.13	Bilangan SMT dan SMV di seluruh Negara	30
2.14	Jumlah Pakej Yang Ditawarkan Di SMT Dan SMV	31
2.14.1	Pakej Pensijilan Terbuka SPM Di SMT Dan SMV	32
3.5	Skala Likert	35
4.3.1.1	Peratusan Respon Mengikut Jantina	39
4.3.1.2	Peratusan Respon Mengikut keturunan/ Bangsa	40
4.3.1.3	Peratusan Respon Mengikut Jurusan/ Bidang	40
4.3.2.1.1	Peratusan Jawapan Respon Mengenai Bilik Darjah, Bengkel/ Makmal, Peralatan ABM Dan Perpustakaan	41

4.3.2.1.2	Peratusan Jawapan Responen Mengenai Kemudahan Bimbingan Dan kaunseling, Kakitangan Sokongan Dan Tenga Pengajar	43
4.3.2.2.1	Peratusan Jawapan Responen Mengenai Pendedahan Terhadap Perlaksanaan Sistem Pensijilan Terbuka	44
4.3.2.2.2	Peratusan Jawapan Responen Mengenai Pendedahan Di Peringkat Sekolah Terhadap Perlaksanaan Sistem Pensijilan Terbuka	46
4.3.2.3.1	Peratusan Jawapan Responen Mengenai Kebebasan Membuat Keputusan, Perancangan Masa Depan Dan Kefleksibelan Sijil Terbuka	47
4.3.2.3.2	Peratusan Jawapan Responen Mengenai Aspek Motivasi, Tekanan/ Bebanan Dan Humanistik	49
4.3.2.4.1	Peratusan Jawapan Responen Mengenai Masalah Pelajar Dalam Pensijilan Terbuka	51

SENARAI SINGKATAN

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
MP	-	Mata Pelajaran
MPP	-	Mata Pelajaran Pilihan
MPW	-	Mata Pelajaran Wajib
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SMTV	-	Sekolah Menengah Teknik-Vokasional
SMV	-	Sekolah Menengah Vokasional
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	-	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Menengah

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia telah diiktirafkan sebagai pusat pendidikan yang terbaik di Asia Tenggara. Pelbagai perubahan telah dilakukan keatas sistem pendidikan di negara Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Sistem pendidikan dan format peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM yang diamalkan di negara Malaysia tidak terkecuali daripada pengaruh kemajuan dan keperluan semasa negara. Pelbagai perubahan telah dilakukan terhadap sistem pendidikan dan format peperiksaan awam untuk menyesuaikannya dengan keperluan semasa khususnya dalam aspek pembangunan dan keperluan sumber manusia dalam era ledakan teknologi maklumat.

Selaras dengan itu, langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah memperkenalkan sijil terbuka Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2000 telah membawa dimensi baru kepada sistem pendidikan negara. Perubahan ini sekaligus menukar sistem peperiksaan yang agak tegar dan menyekat peluang atau kebebasan pelajar untuk membuat keputusan sendiri. Sijil terbuka yang telah diperkenalkan ini lebih memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil mata pelajaran peperiksaan berdasarkan kemampuan dan minat masing-masing. Keadaan ini membolehkan pelajar

menggilap segala bakat, kebolehan dan kemahiran ke tahap yang optimum. Di sebalik perubahan sistem peperiksaan SPM ini sebenarnya tersirat suatu matlamat untuk menyuntik elemen penting kepada pelajar agar menjadi individu yang mampu merancang masa depan sendiri.

Malah sistem pensijilan yang telah dilaksanakan pada tahun 2000 adalah lebih berciri positif kerana ia lebih anjal, dan tidak terlalu membebankan pelajar lemah. Menerusi sistem ini juga, syarat pemberian sijil turut di longgarkan. Pelajar hanya perlu lulus Bahasa Melayu untuk mendapat sijil berbanding dengan amalan sekarang yang mana pelajar perlu lulus dalam enam mata pelajaran dengan dua peringkat kepujian.

Peperiksaan format baru ini telah memberikan peluang kepada pelajar untuk memilih lima belas pilihan pengkhususan yang dirasakan sesuai. Lima belas pakej pengkhususan yang ditawarkan ini dapat membolehkan pelajar merancang sejak awal lagi bidang pengkhususan yang hendak diikuti apabila melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Daripada lima belas pakej pengkhususan itu, tujuh daripadanya ialah untuk pelajar memilih eka (satu) pengkhususan dan lima lagi ialah untuk pelajar yang memilih untuk membuat dwi (dua) pengkhususan. Berbeza sebelum ini, pelajar bebas mengambil seberapa banyak mata pelajaran yang diminati. Bagaimanapun, jumlah mata pelajaran yang hendak di ambil itu mestilah tidak kurang daripada enam iaitu bilangan mata pelajaran wajib yang perlu diambil. Enam mata pelajaran itu ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral. Selebihnya pelajar boleh memilih lebih dua puluh enam mata pelajaran elektif yang ditawarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Oleh itu, buat pertama kalinya dalam sejarah sistem pendidikan negara, suatu skema penilaian yang mencerminkan minat, kecenderungan dan aspek keintelektualan individu-individu pelajar akan dilaksanakan dalam format pensijilan terbuka.

Perlaksanaan format ini adalah selaras dengan hakikat bahawa penilaian formal berdasarkan sesuatu nilai tara dan skima piawai yang ditetapkan tidak semestinya menghasilkan suatu skala pencapaian yang komprehensif dan muktamad, apatah lagi kerana kadar perkembangan, minat, kecenderungan dan bakat adalah berbeza di antara individu-individu.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sistem gred atau pangkat yang diamalkan di sekolah menengah iaitu di peringkat SPM/SPMV adalah bertujuan untuk menilai tahap akhir pencapaian akademik seseorang pelajar di sekolah menengah. Pelajar yang mendapat gred yang baik sahaja yang biasanya layak melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).



Menjelang awal 2000, satu sistem telah diperkenalkan untuk menggantikan sistem SPM lama iaitu sistem SPM Pensijilan Terbuka. Melalui sistem ini, pelajar tidak dinilai melalui gred atau pangkat yang mereka perolehi sebaliknya dinilai melalui keputusan yang mereka perolehi dalam mata pelajaran pilihan. Tujuan utama perlaksanaan sistem ini adalah untuk menggantikan sistem lama yang agak jauh terbelakang dengan prasyarat kemasukan ke IPT. Ini adalah kerana prasyarat kemasukan pelajar ke IPT telah lama dirombak bersesuaian dengan perkembangan teknologi terkini (Mohd Najib Tun Razak, 1998).

Dalam sistem pensijilan terbuka ini, SPMV akan dimansuhkan dan mata pelajaran pendidikan vokasional akan diserapkan ke dalam senarai lima belas pakej dalam Sijil Terbuka untuk memberi banyak pilihan kepada pelajar dengan mengambil kira minat, kecenderungan dan kebolehan mereka. Apa yang diharapkan, menjelang tahun 2020 lebih daripada tujuh puluh peratus pelajar di peringkat sekolah menengah akan mengambil jurusan sains dan teknologi. Oleh itu, kajian ini akan melihat

pelaksanaan sistem Pensijilan Terbuka di Sekolah Menengah Teknik di Batu Pahat, Johor.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Mohd Najib Ghafar (1997), untuk menilai sesuatu hasil pembelajaran, guru melakukan pengukuran dengan menggunakan ujian sebagai alat membuat pertimbangan yang wajar. Justeru itu, sistem peperiksaan khususnya seperti SPM ini adalah sebahagian daripada bentuk pengukuran untuk menilai sejauhmana objektif pembelajaran telah dicapai

Pensijilan mempunyai hubungkait yang rapat dengan peperiksaan. Persoalan tentang pensijilan dan peperiksaan lazimnya telah diterima sebagai suatu perkara teknikal yang bertujuan menjelaskan pertalian di antara kebolehan intelektual dengan pekerjaan. Lebih khusus lagi, kedua-dua aspek ini menonjolkan andaian tentang pertalian di antara kecerdasan dengan pemilihan mata pelajaran, sijil pencapaian dan pekerjaan. Pelajar yang pandai akan memilih atau diarah mengambil mata pelajaran seperti Sains Tulen, Matematik atau Bahasa asing yang sering dianggap sebagai sukar dan bernilai tinggi. Manakala pelajar kurang pandai akan memilih atau diarah mengambil mata pelajaran yang senang dan bernilai sederhana atau rendah seperti Ekonomi Rumahtangga, taip-menaip, ketukangan atau seni lukis (Mohd Najib Tun Razak, 1998).

Bagaimanapun, andaian yang sedemikian tidak lagi mencerminkan pendapat serta pandangan masyarakat hari ini. Sebagai satu komponen penting dalam pendidikan, peperiksaan pada dasarnya adalah hasil perkembangan dunia pekerjaan abad ke 20. Sejak Perang Dunia Kedua perubahan dalam bidang pendidikan adalah disebabkan oleh perubahan dunia yang pesat dan juga perubahan keadaan hidup manusia. Kegiatan manusia berdasarkan kekuatan fizikal dan ketangkasaran berkerja

bertukar kepada kegiatan yang memerlukan kemahiran intelektual dan sosial. Faktor-faktor suasana alam sekeliling dan personaliti yang mempunyai kesan ke atas pembelajaran perlu dikaji dan diberi perhatian di sekolah-sekolah untuk memaksimumkan lagi pendidikan pelajar.

Ekoran dari itu, peperiksaan dilihat sebagai unsur baru yang penting. Tanpa peperiksaan, sistem pendidikan hari ini sudah amat berbeza, kecil, tidak berstruktur, tidak bersepada dan tidak berpengaruh sama sekali. Justeru itu sistem peperiksaan diwujudkan untuk menyaring dan mengkelaskan pelajar bagi tujuan-tujuan tertentu. Namun demikian, keindividualan pelajar mestilah ditekankan dan peperiksaan itu mestilah mempertimbangkan keperluan kemasyarakatan, minat, bakat dan latar belakang pelajar.

Ibrahim Saad (1998) mengaitkan peperiksaan berkait rapat dengan keputusan yang mempunyai kepentingan praktis yang segera dan merangkumi keputusan tentang orang lain, penelahan tingkah laku atau peristiwa yang akan berlaku, pemilihan, pengelasan dan penilaian. Ini bermakna peperiksaan SPM juga mempunyai fungsi yang sama. Cuma dalam hal ini, tumpuan yang berlebihan diberi kepada pangkat keseluruhan peperiksaan tersebut. Gred pencapaian mata pelajaran yang diperolehi oleh calon lebih tepat digunakan bagi tujuan-tujuan di atas berbanding dengan pangkat yang diperolehi.

Sehubungan dengan itu, Pensijilan Terbuka yang diperkenalkan untuk menggantikan sistem peperiksaan format lama menimbulkan beberapa tanda tanya. Adakah sistem baru ini berupaya untuk menyelesaikan kesemua masalah yang dihadapi sebelum ini khususnya dari segi proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) ataupun proses pembangunan pendidikan itu sendiri dan bagaimana persediaan sekolah ke arah menyahut perlaksanaan sistem baru ini?

1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Adakah kemudahan, prasarana dan infrastruktur yang ada di sekolah mencukupi untuk mendedahkan pelajar kepada konsep pensijilan terbuka?
- 1.4.2 Adakah guru-guru, pelajar-pelajar dan ibubapa telah didedahkan tentang konsep Pensijilan Terbuka SPM?
- 1.4.3 Adakah keterbukaan dan kebebasan yang dicadangkan dalam sistem pensijilan terbuka dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar?
- 1.4.4 Apakah masalah yang dihadapi oleh sekolah dalam melaksanakan sistem pensijilan terbuka?

1.5 Objektif Kajian

- 1.5.1 Mengenal pasti sama ada kemudahan infrastruktur yang terdapat di sekolah mencukupi atau tidak dalam melaksanakan sistem baru ini.
- 1.5.2 Mengenal pasti faktor kebebasan dalam sistem sijil terbuka ke atas pencapaian akademik pelajar.
- 1.5.3 Mengenal pasti sama ada pelajar-pelajar telah didedahkan dengan konsep Pensijilan Terbuka.
- 1.5.4 Mengenal pasti kelebihan dan keburukan sistem pensijilan terbuka.

1.6 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai perlaksanaan sistem Pensijilan Terbuka di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat dan diharap kajian yang akan datang boleh membuat sesuatu kepada sistem yang baru.

1.7 Kepentingan Kajian

Oleh kerana perlaksanaan sistem pensijilan terbuka masih baru dan hanya baru dilaksanakan pada tahun 2000 lepas, maka melalui dapatan kajian ini akan dapat dijadikan satu petunjuk terhadap kajian dan perlaksanaan sistem penilaian baru ini khususnya di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Selain itu, diharapkan juga kajian ini, akan dapat dijadikan panduan atau asas kepada penyelidik-penyelidik lain yang akan menjalankan kajian yang sama pada masa akan datang.

1.8 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Kajian akan dijalankan dengan mengumpul data dan maklumat daripada responden melalui pengedaran borang soal selidik. Ini disebabkan oleh sekolah ini berkaitan dengan teknik dan vokasional dan ianya hanya melibatkan sebuah sekolah iaitu pelajar tingkatan 5 aliran Teknik di Sekolah Menengah Teknik yang terdapat di Batu Pahat.

1.9 Kesahihan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian

Borang soal selidik yang telah disiapkan terlebih dahulu disemak dan dinilai oleh penyelia penyelidik. Selain itu, penyelidikan secara ‘pilot test’ (Robert E. Salvin 1984) juga telah dilakukan di mana beberapa sekolah telah dipilih bagi menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan serta memberikan komen cadangan bagi memperbaiki segala kekurangan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut. Pemilihan *pilot test* ini adalah kerana ia dapat memberi gambaran kasar kepada pengkaji tentang kaedah yang digunakan dan hasil daripadanya sebelum menjalankan kajian sebenar.

1.10 Batasan Kajian

Salah satu batasan atau kekangan dalam kajian ini adalah responen atau sampel hanya terdiri daripada sebuah sekolah dan hanya pelajar tingkatan 5 aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat bagi mewakili populasi sebenar. Ini adalah kerana bilangan sekolah menengah di Batu Pahat adalah besar sementara masa yang diperuntukan untuk menjalankan kajian ini adalah singkat. Selain itu, borang soal selidik yang diedarkan hanya terhad kepada objektif kajian.

1.11 Definisi Istilah

1.11.1 Penilaian

Satu proses sistematis yang melibatkan pengumpulan, penganalisisan dan penginterpretasian keterangan tentang setakat mana pelajar telah mencapai objektif pengajaran

1.11.2 Pelaksanaan

Perihal sesuatu perkara yang diamalkan, dicipta, diusahakan atau dikendalikan dan diselenggarakan.

1.11.3 Sijil terbuka SPM

Satu sistem yang diukur berdasarkan sesuatu nilai tara dan skema piawai iaitu suatu skema penilaian yang mencerminkan minat dan kecenderungan dan aspek keintelektualan individu-individu pelajar.

1.11.4 *the missing link*

Hubungan yang berterusan yang berkesinambungan antara satu tahap ke tahap yang lain.

1.11.5 Mandatori

Sesuatu perkara yang wajib dan tidak mempunyai pilihan lain.

1.11.6 *patching* (tampal)

Sesuatu yang tidak perlu dilakukan kesemuanya.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sudah tiba masanya sistem pendidikan negara mengorak langkah ke alaf baru yang terbuka luas. Pendidikan berorientasikan peperiksaan mungkin sudah lapuk dan sepatutnya sudah lama diganti memandangkan kepesatan pembangunan negara sebelum ini. Malah negara sepatutnya melahirkan generasi pelajar yang lebih kreatif berfikir dan bukannya dibelenggu dengan sistem yang agak tertutup.

Sehubungan dengan itu, langkah Kementerian Pendidikan memperkenalkan sistem Sijil Terbuka Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah satu pendekatan terbaru dan lebih terbuka. Sijil terbuka ini sekurang-kurangnya membuka mata serta minda pelajar untuk lebih kreatif memilih mata pelajaran yang bersesuaian dengan kerjaya masa depan.

Menurut bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak (1998) sistem terbuka dapat menggantikan sistem aggregat yang didapati tidak lagi relevan dengan perkembangan pendidikan negara.

2.2 Justifikasi SPM Pensijilan Terbuka

Cadangan melaksanakan Sistem Pensijilan Terbuka bukanlah suatu yang baru. Sistem ini telah diperakukan dalam tahun 1979 oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran. Perakuan tersebut berbunyi:

"Berikut dari perubahan dalam pelaporan gred dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Lower Certificate Of Education" adalah diperakukan juga supaya sistem memberi gred Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate Of Education dan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia diganti dengan sistem pensijilan terbuka dalam bentuk yang mencatitkan pangkat pencapaian bagi tiap-tiap mata pelajaran yang lulus sahaja.

Perakuan no.17

Pada tahun 1982, KPM telah memperkenalkan Pensijilan Terbuka Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Pensijilan Terbuka Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 1993. Dalam pensijilan PMR hanya gred pencapaian mata pelajaran sahaja dicatatkan pada sijil dengan menggunakan sistem gred 'A'-'E'. Walaupun Kementerian Pendidikan sudah melaksanakan Pensijilan Terbuka bagi kedua-dua peperiksaan ini, namun sehingga kini ia belum dapat dilaksanakan diperingkat peperiksaan SPM. Bagaimanapun dengan terlaksananya Sistem Pensijilan Terbuka bagi SPM akan melengkapkan *the missing link* antara PMR dan STPM.

Sistem Pensijilan Terbuka telah lama diamalkan di negara-negara maju seperti Britain, Amerika Syarikat, Kanada dan di negara Eropah yang lain. Prinsip anjal yang terdapat pada Sistem Pensijilan Terbuka bersesuaian dengan sistem pendidikan yang berfokuskan murid.

Dalam keadaan dunia yang berkembang dengan amat pantas, sistem pendidikan kita sentiasa diperbaharui supaya ia menjadi relevan dengan keadaan masyarakat kerana pendidikan akan terus menjadi agenda utama masyarakat dunia dalam abad ke 21. Fokus kepada pemikiran yang bersifat global akan mendorong program-program pendidikan ke arah menyediakan sumber manusia untuk pasaran dunia yang lebih luas. Di samping itu, sektor perkhidmatan akan menyumbang 70 peratus keperluan tenaga kerja menjelang tahun 2020. Abad ke 21 akan menyaksikan kemunculan satu kategori baru pekerja-pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*) yang merangsang sistem sosio-ekonomi negara-negara maju.

Kesan langsung daripada perubahan pantas ini akhirnya telah menampakkan *mismatch* di antara pengetahuan asas (*literacy*) tenaga kerja dengan kemahiran (*competency*) yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan. Keadaan ini telah mendorong pasaran pekerjaan mengutamakan kelayakan yang berasaskan kompetensi tertentu berbanding dengan kelayakan yang berasaskan merit atau pangkat.

Mohd Najib Tun Razak (1998) menjelaskan akan perubahan-perubahan ini sebenarnya mengimbau kembali kesesuaian sistem pendidikan yang telah diamalkan. Dasar, falsafah, kurikulum, sistem organisasi, struktur, peranan dan fungsi perlu mencakupi perspektif perubahan yang bersifat futuristik menjelang abad ke 21. Sistem pendidikan untuk alaf akan datang perlu mampu membawa transformasi sosial yang dinamik ke arah menangani pelbagai agenda sosio-ekonomi dan politik yang sedang dan akan dihadapi oleh negara. Matlamat pendidikan sebagai alat transformasi dan rombakan sosial yang menjadi agenda anjakan perubahan abad ke 21 adalah untuk mengasaskan pembentukan dan perkembangan masyarakat bestari dan masyarakat bermaklumat.

Mohd Najib Tun Razak (1998) dalam ucapannya pada Seminar Pensijilan Terbuka di Kuala Lumpur, telah menyatakan bahawa keterbukaan sistem Sijil Terbuka ini lebih memberi ruang kebebasan kepada pelajar untuk memilih mata pelajaran

mengikut pakej dan kombinasinya sesuai dengan minat dan kecenderungan seseorang pelajar. Sistem Pensijilan SPM yang mengutamakan pangkat tidak lagi relevan dengan perubahan serta tuntutan baru sektor pekerjaan pada hari ini. Sistem pensijilan yang mencatatkan Pangkat 1,2 atau 3 tidak lagi memberi apa-apa pengertian apabila kompetensi dalam sesuatu bidang menjadi keutamaan. Calon yang mendapat pangkat rendah mungkin lebih baik keputusannya dalam sesuatu bidang matapelajaran yang mungkin sesuai dengan perkerjaan yang dipohon.

Sistem Pensijilan Terbuka ini hanyalah satu daripada beberapa aspek dalam sistem pendidikan, namun demikian, ia adalah perubahan yang perlu untuk memberi kesan kepada perkembangan dan pembentukan sahsiah individu. Justeru itu, sistem Pensijilan Terbuka SPM ini dianggap sebagai pelengkap kepada pendekatan pendidikan berorientasikan individu.

2.3 Rasional Pensijilan Terbuka

Menurut Ramlan Abd Wahab (1999), Prinsip keterbukaan yang penting dalam reformasi pensijilan SPM ini, antara lain adalah memberi kebebasan kepada pelajar untuk memilih jenis dan menentukan bilangan mata pelajaran tambahan yang ingin diambilnya selain daripada enam mata pelajaran yang diwajibkan iaitu, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Sejarah dan pendidikan Islam atau Pendidikan Moral. Dalam konteks pendidikan dan masa hadapan pelajar, pemberian kebebasan ini dianggap sama seperti mengiktiraf hak individu pelajar untuk menentukan matlamat hidup berdasarkan minat dan kecenderungan masing-masing dan meneroka landasan ke arah sesuatu matlamat.

Hujah di atas dikukuhkan lagi dengan pendapat Rahaiza Ismail (1998) yang menyatakan bahawa kebebasan memilih mata pelajaran di antara dua belas pakej yang disediakan dan kebenaran menambah mata pelajaran kepada suatu pakej yang dipilih itu,

tidak syak lagi akan menjadikan sistem pendidikan menengah menjadi lebih demokratik sekaligus menjadi medan penerokaan pengetahuan dan kemahiran yang terbuka luas untuk setiap pelajar. Sehubungan itu, tidak akan ada lagi paksaan sehingga seseorang pelajar terpaksa mengambil mata pelajaran yang membosakkannya semata-mata atas kepentingan pihak pentadbiran dan penjadualan atau kerana kekurangan guru.

Apa yang lebih menarik ialah, pakej-pakej mata pelajaran pilihan yang disediakan itu adalah selaras dengan kombinasi pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam bidang-bidang tertentu. Hal ini tentunya memudahkan para pelajar membuat pilihan yang bersesuaian dengan minat dan cita-cita serta matlamat yang telah ditetapkan. Di samping itu, secara logiknya, pelajar lebih bermotivasi dan komited dalam pelajaran dengan kebebasan yang diberikan dalam memilih mata pelajaran dan dengan itu, fenomena keciciran akademik mungkin boleh diatasi secara menyeluruh. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 1998).

2.4 Kelebihan Pensijilan Terbuka

Terdapat beberapa kelebihan pada Sistem Pensijilan Terbuka. Pensijilan adalah suatu bentuk anugerah yang diberi untuk melaporkan pencapaian pelajar apabila mencapai sesuatu tahap pendidikan yang dilaluinya. Penentuan pangkat seperti sijil pangkat 1,2 dan 3 seperti mana yang terdapat dalam SPM pada masa sekarang adalah suatu cara mengkategorikan pelajar berdasarkan pencapaian keseluruhan kelompok mata pelajaran (group certification).

Rahaiza Ismail (1998) menyatakan bahawa sistem pensijilan ini sama sekali mengenepikan ukuran bakat dan potensi individu, lebih-lebih lagi jika sistem pensijilan itu menggunakan syarat pemberian sijil yang rigid. Sebaliknya, peperiksaan dan pensijilan haruslah menekankan gred pencapaian bagi mata pelajaran kerana ia lebih

menggambarkan bakat dan potensi sebenar seseorang murid itu. Ini juga selaras dengan dasar dan kriteria kemasukan ke IPT yang memilih pelajar berdasarkan kombinasi mata pelajaran dalam SPM yang sesuai dengan bidang yang hendak diikuti.

Ramlan Abd Wahab (1999) berpendapat bahawa, jika ditinjau dari perspektif perkembangan kognitif, emosi, dan fizikal seseorang individu, format pensijilan terbuka ini lebih adil kerana ia tidak melabel seseorang pelajar hanya kerana ia gagal untuk menguasai mata pelajaran yang tidak diminatinya sedangkan ia mungkin cemerlang dalam mata pelajaran lain yang relevan dengan kecenderungan , emosi dan keintelektualannya.

Kesan pelabelan pelajar berdasarkan pangkat boleh merendahkan keyakinan diri (*self-esteem*). Pencapaian pelajar haruslah diukur dari aspek bakat dan potensi sebenar yang ada padanya. Lazimnya calon yang mendapat pangkat rendah akan mengalami tekanan psikologi. Oleh itu, pelajar tidak akan tertekan kerana apabila mereka mengetahui potensi sebenar yang ada pada dirinya, mereka akan merasa lebih dihargai.

Sistem Pensijilan Terbuka juga mengambil kira kepentingan pelajar-pelajar yang lemah dari segi akademik. Mereka boleh memberi tumpuan kepada enam mata pelajaran teras yang diambil dalam satu peperiksaan berbanding dengan lapan atau sembilan bilangan mata pelajaran wajib (mandatori) dalam sistem sekarang. Mereka boleh mengambil mata pelajaran yang lain kemudian jika difikirkan sesuai dan diperlukan. (Ibrahim saad, 1998)

Lembaga Peperiksaan Malaysia (1998) menjelaskan terdapat beberapa ciri dan perubahan dalam Sistem Pensijilan Terbuka yang akan dilaksanakan. Pensijilan Terbuka diberikan atas merit matapelajaran dan bukannya kerana syarat kelompok mata pelajaran. Pemeringkatan pelajar berdasarkan pangkat dihapuskan . Ini bermakna pengiraan agregat tidak lagi dipakai. Gred pencapaian akan ditunjukkan bagi mata

pelajaran yang lulus sahaja. Syarat minimum pemberian sijil dalam Sistem Pensijilan Terbuka ialah lulus Bahasa Melayu. Ini merupakan kesinambungan syarat asal SPM dan juga selaras dengan dasar Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Dari segi kredibiliti, Sistem Pensijilan Terbuka tidak akan menurunkan taraf pensijilan SPM kerana apa yang diubah adalah tentang pelaporan agregat dan pangkat keseluruhan sahaja. Sementara kurikulum, silibus, kertas ujian, taraf penyoalan serta penentuan piawai (*benchmarking*) mata pelajaran masih dikekalkan. Pengiktirafan sijil ini diperingkat antarabangsa tidak terjejas.

2.5 Keunikan Pensijilan Terbuka

Mohd Najib Tun Razak (1998) menjelaskan sistem Pensijilan Terbuka akan menonjolkan beberapa ciri yang baru yang lebih fleksibel. Pertama, dari segi peluang untuk memperbaiki keputusan peperiksaan melalui kaedah *patching*. Kaedah ini membolehkan calon memperbaiki bahagian matapelajaran yang dia gagal sahaja tanpa mengambil semula keseluruhan peperiksaan SPM. Ini dilaksanakan bagi matapelajaran tertentu. Contohnya, Bahasa Melayu, sekiranya calon gagal bahagian lisan walaupun lulus keseluruhan mata pelajaran itu, calon dibenarkan mengulang atau mengambil semula bahagian lisan sahaja.

Kedua, pelajar hanya diwajibkan mengambil bilangan minimum mata pelajaran teras sahaja, yakni lima atau enam mata pelajaran mengikut aliran. Syarat mandatori mengambil beberapa mata pelajaran elektif seperti mana sekarang tidak terdapat dalam sistem pensijilan terbuka. Walau bagaimanapun, calon bebas memilih untuk mengambil mata pelajaran selain daripada mata pelajaran teras pada peperiksaan yang sama atau pada masa-masa peperiksaan yang lain tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu.

2.6 Pemansuhan Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional)

Satu lagi perubahan yang penting dalam pelaksanaan Sistem Pensijilan Terbuka ialah menyatupadukan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) di bawah satu payung sistem peperiksaan penamat (*terminal examination*), iaitu SPM, SPMV dimansuhkan dan semua mata pelajaran vokasional dimasukkan dalam pakej SPM sepertimana bagi mata pelajaran aliran agama dan teknikal. Pemansuhan SPMV tidak pula bererti sekolah vokasional dihapuskan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).

2.7 Keterbukaan Pensijilan Terbuka

Kerterbukaan sistem ini boleh dilihat daripada beberapa aspek, iaitu ciri-ciri yang fleksibel, kebebasan memilih mata pelajaran mengikut pakej dan kombinasi mata pelajaran, peluang untuk membuat patching bagi mata pelajaran tertentu, peluang mengambil jumlah mata pelajaran mengikut kemampuan dan ciri-ciri pelaporan yang memberatkan pencapaian mata pelajaran.

Saedah (1996) menyatakan bahawa pemilihan mata pelajaran oleh pelajar bergantung kepada beberapa faktor. Faktor utama ialah dorongan memperolehi pangkat yang baik. Faktor ini mempengaruhi pelajar untuk mengambil mata pelajaran yang senang dan tidak "bernilai tinggi". Pangkat atau merit mempunyai pengaruh psikologi yang kuat ke atas diri pelajar dan ibu bapa. Kebimbangan kepada kekecewaan boleh melemahkan atau mematikan minat seseorang.

Mengikut kajian Universiti Sains Malaysia, faktor sikap dan minat, rancangan kerjaya, kebolehan dan ketrampilan diri pelajar, keberkesanan penyampaian guru, apa yang diperolehi daripada mata pelajaran tersebut boleh diaplikasi bila berada dalam

dunia pekerjaan turut mempengaruhi pemilihan mata pelajaran. Strategi jangka pendek boleh dilaksanakan segera sesuai dengan kemudahan prasarana, peralatan dan guru bagi sekolah-sekolah yang tertentu. Menurut Langan dan Nadell (1980), pemilihan jurusan akan mempengaruhi pilihan keatas kerjaya dan meningkatkan pendapatan seseorang.

2.8 Pakej Pengkhususan

Salah satu strategi jangka pendek yang boleh dilaksanakan ialah melalui penyediaan pakej pengkhususan untuk sekolah. Strategi ini bermaksud mata pelajaran elektif dipakejkan mengikut kombinasi yang sesuai. Cadangan pakej hendaklah berdasarkan kepada prinsip utama iaitu bilangan mata pelajaran adalah minimum tetapi kombinasi mata pelajaran mempunyai nilai tersendiri sebagai prasyarat untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi pada peringkat diploma atau universiti. Kerjaya masa depan, aspek keperluan negara dan perkembangan keperluan tenaga kerja juga perlu diambil kira.

Dalam konteks Sistem Pensijilan Terbuka, strategi mempakejkan mata pelajaran mengikut kombinasi tertentu mungkin dilihat sebagai tidak fleksibel sepenuhnya kerana masih menghadkan kebebasan pelajar memilih mata pelajaran dalam pakej yang telah ditetapkan. Tetapi oleh kerana pelajar masih boleh memilih mana-mana pakej yang sesuai dengannya, strategi ini boleh dianggap memberi kebebasan dan masih bersifat terbuka.

Pada prinsipnya, semua pakej boleh ditawarkan oleh semua sekolah, tetapi penawaran yang hendak diberikan itu bergantung kepada faktor keupayaan sekolah seperti guru, prasarana dan kemudahan yang ada serta matlamat kewujudan sesebuah sekolah itu. Penetapan pakej untuk sekolah sebenarnya memudahkan pengurusan sekolah khasnya dari segi penjadualan waktu dan pengagihan guru. Galakan kepada

pelajar untuk memilih sesuatu pakej hendaklah dijaga berdasarkan kepada minat dan kemampuan mereka dan tidak hanya bergantung kepada keputusan PMR semata-mata.

Setiap pakej mengandungi mata pelajaran teras yang terdiri daripada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Agama Islam/ Pendidikan Moral, Sejarah, Matematik dan Sains. Penawaran mata pelajaran teras ini adalah selaras dengan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, berakhhlak mulia, patriotik serta berfikiran saintifik dengan penekanan kepada penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain daripada mata pelajaran teras, setiap pakej yang ditawarkan harus mengandungi beberapa matapelajaran bernilai tinggi dari segi prasyarat dan keperluan untuk melanjutkan pelajaran.

Rahaiza Ismail (1999), menyatakan bahawa kecemerlangan seseorang pelajar adalah bergantung kepada minat dan motivasi mereka sendiri. Sehubungan itu, dalam Sistem Pensijilan Terbuka, unsur fleksibel juga terdapat pada pemilihan jumlah mata pelajaran yang boleh diambil oleh murid. Mereka boleh mengambil minimum enam mata pelajaran yang hanya terdiri daripada mata pelajaran teras atau semaksimum yang termampu olehnya. Mata pelajaran –mata pelajaran tambahan selain daripada mata pelajaran dalam pakej yang sama dengan mata pelajaran teras yang ditawarkan dan juga mata pelajaran yang ditawarkan dalam pakej yang lain. Jika sekolah tidak mampu menawarkan sesuatu mata pelajaran yang ingin diambil oleh pelajar, ia boleh mengikuti melalui tuisyen persendirian.

2.9 Pemberian Dan Perbezaan Sijil

Cara pemberian sijil dalam Pensijilan Terbuka SPM amat mudah jika dibandingkan dengan SPM sebelum ini. Untuk memastikan calon-calon mendapat sijil, mereka hanya dikehendaki mencapai pangkat ‘lulus’ dalam mata pelajaran Bahasa

Melayu. Tidak ada pangkat dan aggregat untuk mendapatkan sijil dalam Pensijilan Terbuka seperti SPM sekarang.

Melalui Pensijilan terbuka ini, hanya satu syarat untuk mendapatkan sijil dikenakan, iaitu calon dikehendaki sekurang-kurangnya lulus (8E) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam SPM, banyak syarat dikenakan terutama dari segi kumpulan mata pelajaran. Calon dimestikan lulus atau mendapat kredit bagi menentukan pangkat 1, 2 dan 3 selain syarat dari segi aggregat.

Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran dilaporkan mengikut kaedah yang sama, iaitu dalam empat kategori, cuma istilah untuk “ Sangat Baik” bagi SPM ditukar kepada “Cemerlang” dalam Pensijilan Terbuka manakala yang lain adalah sama iaitu “Kepujian”, “Lulus” dan “Gagal”.

2.9.1 Perbezaan Antara SPM Lama Dan Pensijilan Terbuka

Di senaraikan beberapa perbezaan di antara Pensijilan Terbuka dengan SPM sehingga 1999.

- 2.9.1.1 Calon hanya dimestikan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai syarat mendapat sijil dalam pensijilan terbuka, manakala dalam SPM untuk mendapat pangkat 1 atau 2 calon mesti mendapat kepujian, manakala lulus di beri pangkat 3.
- 2.9.1.2 Tiada pangkat atau sijil dan aggregat dalam Pensijilan Terbuka tetapi dalam SPM ada pangkat 1, 2, 3 dan SAP. Jumlah aggregat menentukan pangkat.
- 2.9.1.3 Calon dibolehkan mengambil maksimum 10 mata pelajaran dalam SPM tetapi tiada had maksimum dalam Pensijilan Terbuka, namun ada had minimum iaitu 6 mata pelajaran wajib. Calon yang boleh mengambil mata pelajaran pilihan lain (*patching*) dalam peperiksaan berasingan untuk meningkatkan nilai sijil.

- 2.9.1.4 Calon tidak disyaratkan lulus mata pelajaran wajib selain Bahasa Melayu dalam Pensijilan Terbuka tetapi mereka mesti lulus beberapa mata pelajaran wajib dalam SPM untuk mencukupkan kumpulan mata pelajaran bagi mendapat pangkat 1,2 dan 3.
- 2.9.1.5 Mata pelajaran pilihan dibahagikan kepada enam kumpulan dalam SPM manakala dalam Pensijilan Terbuka, mata pelajaran pilihan dikumpulkan dalam bentuk pakej dengan keseluruhannya ada 15 pakej.
- 2.9.1.6 Dalam Pensijilan Terbuka, calon diwajibkan mengambil 6 mata pelajaran wajib dan disarankan mengambil salah satu daripada 15 pakej yang dicadangkan dan boleh ditambah dengan mata pelajaran lain jika calon berminat. Malah calon juga dibolehkan mengambil mata pelajaran pilihan yang tidak berdasarkan pakej.
- 2.9.1.7 Pemberian sijil hanya di atas nama Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tidak ada lagi Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional atau SPMV. Ini tidak bermakna sekolah vokasional dan teknik dimansuhkan. Calon dari sekolah teknik dan vokasional juga mempunyai nama sijil yang sama, Cuma yang berbeza ialah dari segi mata pelajaran yang diambil, iaitu mata pelajaran pilihan.
- 2.9.1.8 Walaupun berlaku perbezaan pensijilan dalam Pensijilan Terbuka tetapi namanya tidak ditukar kerana struktur peperiksaan adalah sama, selain SPM diiktiraf oleh beberapa lembaga peperiksaan luar negara seperti Cambridge Local Examination Syndicate di England.
- 2.9.1.9 Penilaian SPM boleh didasarkan kepada pangkat dan aggregat selain daripada pencapaian dalam mata pelajaran.

2.9.2 Mata Pelajaran Wajib (MPW)

Setiap calon dikehendaki mengambil lima atau enam mata pelajaran wajib iaitu :

1. Bahasa Melayu
2. Bahasa Inggeris
3. Matematik
4. Sains
5. Sejarah
6. Pendidikan Islam / Pendidikan Moral

Mata pelajaran Pendidikan Islam diwajibkan untuk calon beragama islam dan Pendidikan Moral bagi calon yang bukan beragama islam. Mata pelajaran Sains tidak diwajibkan bagi calon yang mengambil pakej bercorak Sains seperti Sains Tulin dan Pendidikan Islam tidak diwajibkan bagi calon yang mengambil jurusan agama atau pakej Pengajian Islam.



PTIA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**Jadual 2.9.1 : Perbandingan Pemilihan Matapelajaran Dan
Pemberian Sijil Peperiksaan SPM dan Pensijilan
Terbuka.**

	SPM Sehingga 1999	Pensijilan Terbuka SPM
Pendaftaran/ Kelayakan	1) Pelajar tingkatan 5 sekolah kerajaan atau setaraf ATAU 2) Telah mengambil SPM atau setaraf ATAU 3) Berumur 19 tahun pada 1 Januari 4) Tertakluk Pekeliling Kementerian Pendidikan Terkini	Tiada Perbezaan
Pemilihan Mata Pelajaran	1) 5/6 mata pelajaran teras 2) Daripada 6 Kumpulan mata pelajaran elektif 3.) Pilih maksimum 10 dan minimum 8 mata pelajaran	1) 5/6 mata pelajaran wajib 2) 1 atau 2 daripada 15 pakej utama mata pelajaran 3) Minimum 6MPW dan tiada had maksimum
Syarat Pemberian Sijil	1) Sijil pangkat 1,2,3 dan SAP 2) Ada agregat 3) Mesti lulus Bahasa Melayu* 4) Mesti lulus mata pelajaran KBSM dan dua daripadanya kepujian	1) Tiada pangkat 2) Tiada agregat 3) Mesti lulus Bahasa Melayu 4) Tiada syarat sedemikian.
Pelaporan Keputusan Gagal 9F	Sangat baik 1P, 2P Kepujian 3P, 4P, 5P, 6P Lulus 7S, PS Gagal 9F	Cemerlang 1A, 2A Kepujian 3B, 4B, 5C, 6C Lulus 7D, 8E Gagal 9G

* Mesti mendapat kepujian untuk sijil Pangkat 1

2.9.3 Mata Pelajaran Pilihan (MPP)

Selain MPW, calon yang dibolehkan mengambil mata pelajaran lain dikenali sebagai mata pelajaran pilihan (MPP). Walaupun disebut MPP, namun mata pelajaran ini adalah penting kepada calon. MPP adalah mata pelajaran khusus yang akan menentukan hala tuju calon dalam pendidikan selepas SPM dan menjuruskan kepada kerjaya. Melalui Pensijilan Terbuka, calon boleh mengambil seberapa MPP mengikut kemampuan dan minat dengan syarat mata pelajaran itu ditawarkan di sekolah tempat calon belajar. Bagaimanapun calon tertakluk kepada syarat yang ditentukan oleh sekolah.

2.10 Lima Belas Pakej Pengkhususan

Berikut ialah kombinasi mata pelajaran berdasarkan 15 pakej yang disediakan oleh pusat perkembangan kurikulum. Sesuatu mata pelajaran mungkin digunakan untuk beberapa pakej. Misalnya Matematik Tambahan digabungkan dengan mata pelajaran lain dalam beberapa pakej.

Pusat Perkembangan Kurikulum membahagikan 15 pakej kepada dua kategori, iaitu 7 pakej ekapengkhususan dan 8 pakej dwipengkhususan. Sila rujuk jadual 2.10.1 dan 2.10.2

2.11 Kaitan Pakej Dengan Bidang Pengajian Selepas SPM

Setiap pakej yang ditawarkan mempunyai nilai tersendiri sebagai prasyarat yang membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada peringkat diploma atau ke peringkat pendidikan Pra Universiti. Walau bagaimanapun

BIBLIOGRAFI

Alnais, Mohamad Othman (1991). "Factor Influencing Students To enroll In College Of Technology In Saudi Arabia." Tesis Sarjana Pendidikan. University of Mississippi State.

Dr Abd Rahim Abd Rashid (1997). "Peperiksaan Mengikut Keupayaan : Implikasi Sosial dan Moral." MASSA.

Epstein J. (1992). "School And Family Partnership In M.C. Alkin (ed)." Encyclopedia Of Education Research. 6th Edition. McMillan : New York.

Gardner et.al (1972) . "Attitudes And Motivation In School Language Learning." Rocky Mass : Newbury.

Ibrahim Saad (1998). " Sistem Terbuka SPM Satu Langkah Ke Hadapan." Utusan Malaysia, Kuala Lumpur : Utusan Melayu.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). "Panduan Memilih Mata Pelajaran Di Dalam Konteks SPM Pensijilan Terbuka." Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.

Langan, J. Nadell J. (1980). "Doing Well In College." McGraw-Hill, Inc : New York.

Mohd Daud Hamzah (1994). "Dorongan Dan Pembelajaran." Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mohamad Majid Konting (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia : Kuala Lumpur.

Mohamad Muda Dan Syuhada Choo Abdullah (1999). "Pensijilan Terbuka SPM Tahun 2000." Kuala Lumpur : Unit Pendidikan Berita Harian.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.

Muhamad Sani Buang (1998). "Mengenalpasti Kecenderungan Pelajar mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan) Di ITTHO." Kajian Kes

Rahaiza Ismail (1998). "Implikasi Sijil Terbuka SPM". MASSA Kuala Lumpur.

Ramlan Abd Wahab (1999). "Pensijilan Terbuka : Menjana Kecemerlangan Pendidikan". Dewan Masyarakat.

Saedah Siraj (1996). "Motivasi dalam Pendidikan." Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd: Kuala Lumpur

Tzeng (1987)."The Effect of Internal Motivation." Journal of Individual & Sosial Psychology. Harper & Row Publisher Inc : New York.

Yusof Ahmad (1997) "Sistem SPM/SPMV wajar di kaji dalam membantu pelajar memilih kursus di Institusi pengajian Tinggi." Tesis Sarjana Pendidikan: USM